

# UMS komited kukuh nilai integriti

## Jaminan Naib Canselor UMS kepada kalangan warga universiti

UB 17.11.2021 P.05

**KOTAKINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) komited dalam mengukuhkan nilai-nilai integriti dalam kalangan warganya melalui penganjuran pelbagai aktiviti yang menekankan kesedaran mengenai kepentingan mengamalkan nilai-nilai murni dan integriti secara bertepatan.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk ChM. Ts. Dr. Taufiq Yap Yun Hin berkata, ini kerana warga UMS dalam kalangan kakitangan, pelajar dan rakan strategik, syarikat dan kontraktor turut menyumbang kepada pembangunan UMS.

“Integriti adalah satu aspek yang ditekankan oleh UMS dalam menjadikan universiti terus cemerlang selari dengan era perkembangan pada masa ini, dan pegangan teguh terhadap konsep integriti mampu menghasilkan kecermerlangan bagi individu yang membawa kepada kejayaan institusi keluarga seterusnya organisasi dan negara.

“Dalam membudayakan nilai integriti, UMS telah mengadakan sambutan Bulan Integriti Peringkat UMS yang akan terus menjadi satu acara tetap tahunan di UMS dengan menjadikan November



**RASMI:** Taufiq berucap merasmikan pelancaran sambutan Bulan Integriti Peringkat UMS secara dalam talian.

sebagai bulan tema integriti,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan pelancaran sambutan tersebut yang disiarkan secara dalam talian melalui platform Facebook rasmi UMS. Official baru-baru ini.

Taufiq menambah, selain penganjuran aktiviti dalam sambutan bulan integriti, beliau juga menyeru semua ketua jabatan UMS untuk mengaktifkan Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) di peringkat jabatan menjalankan aktiviti-aktiviti pemantapan dan pengukuhan integriti di

jabatan masing-masing.

“Saya juga berharap agar Pejabat Penasihat Undang-Undang (PPUU) dapat mengusahakan cadangan penyediaan Pelan Tindakan Integriti UMS yang bersifat komprehensif dan strategik yang boleh dijadikan rujukan kepada semua peringkat di UMS untuk dilaksanakan.

“Pelan Tindakan Integriti ini nanti akan menggariskan mengenai sistem pengurusan integriti di UMS dan inisiatif-inisiatif pemerkasaan dan pembudayaan integriti yang bertunjangkan kebertanggungjawaban dan ketelusan,”

ujar Taufiq.

Bertemakan “Integriti Pemangkin Keluarga Malaysia”, majlis anjuran PPUU itu melancarkan Polisi UMS Berkaitan Perlindungan Terhadap Gangguan, Eksploitasi dan Penderaan Seksual yang secara dasarnya bertujuan untuk meminimumkan risiko berlakunya gangguan, eksploitasi dan penderaan seksual sama ada di dalam kampus atau di luar kampus.

Turut berlangsung Bicara Santai PPUU bertajuk “Pupuk Budaya Integriti, Pupus Rasuah” yang disampaikan oleh Timbalan Pengarah (Pencegahan) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Sabah, Awang Sam-sul Baharam Bungso.

Pelbagai program bakal berlangsung dalam memeriehkan sambutan Bulan Integriti UMS yang diadakan sehingga 30 November antaranya Forum Integriti Akademik, pertandingan Kuiz Integriti, pertandingan sajak dan pengucapan awam, pertandingan video pendek, pertandingan melukis kartun dan pertandingan poster integriti, program-program keagamaan, pertandingan E-Sports, dan Virtual Inut-Inut Integrity Run.